



KERAJAAN MALAYSIA

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia
(Malaysian Public Sector Accounting Standards)

MPSAS 20

Pendedahan Pihak Berkaitan

Ogos 2015

MPSAS 20 – Pendedahan Pihak Berkaitan

Pengiktirafan

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) 20 adalah berdasarkan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (*International Public Sector Accounting Standard, IPSAS*) 20, *Related Party Disclosures* daripada *Handbook of International Public Sector Accounting Pronouncements*, Lembaga Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa, diterbitkan oleh Persekutuan Akauntan Antarabangsa (*International Federation of Accountants, IFAC*) pada Jun 2013 dan digunakan dengan kebenaran IFAC.

Handbook of International Public Sector Accounting Pronouncements © 2013 terbitan Persekutuan Akauntan Antarabangsa (IFAC). Hak cipta terpelihara.

Disediakan oleh:
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
No. 1, Persiaran Perdana
Kompleks Kementerian Kewangan
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62594 Putrajaya

Tel : 03-88821000
Faks : 03-88821765
Web : <http://www.anm.gov.my>

MPSAS 20 – PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

KANDUNGAN

	Perenggan
Objektif	
Skop.....	1–3
Takrif.....	4–17
Ahli Keluarga Terdekat bagi Individu	5
Personel Pengurusan Utama.....	6–9
Pihak Berkaitan.....	10–15
Imbuhan untuk Personel Pengurusan Utama.....	16
Kuasa Mengundi.....	17
Isu Pihak Berkaitan.....	18–21
Imbuhan untuk Personel Pengurusan Utama.....	21
Kematanan.....	22
Pendedahan.....	23–41
Pendedahan Kawalan.....	25–26
Pendedahan Urus Niaga Pihak Berkaitan.....	27–33
Pendedahan - Personel Pengurusan Utama.....	34–41
Tarikh Kuat Kuasa.....	42–43
Panduan Pelaksanaan	
Perbandingan dengan IPSAS 20	

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) 20, *Pendedahan Pihak Berkaitan*, dinyatakan dalam perenggan 1-43. Semua perenggan mempunyai kuasa yang setara. MPSAS 20 hendaklah dibaca mengikut konteks objektifnya dan *Prakata Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia*. MPSAS 3, *Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan*, menyediakan asas untuk memilih dan menggunakan dasar perakaunan apabila tiada panduan yang jelas.

Objektif

Objektif Piawaian ini adalah untuk memastikan keperluan pendedahan berkenaan dengan kewujudan hubungan pihak berkaitan jika wujudnya kawalan, dan pendedahan maklumat tentang urus niaga antara entiti dengan pihak berkaitannya dalam keadaan tertentu. Maklumat ini diperlukan bagi tujuan kebertanggungjawaban, dan untuk membantu memahami kedudukan kewangan dan prestasi entiti pelaporan dengan lebih baik. Isu utama pendedahan maklumat berkenaan pihak berkaitan adalah:

- (a) mengenal pasti pihak yang mengawal atau pihak yang mempengaruhi entiti pelaporan secara signifikan, dan
- (b) menentukan maklumat yang hendaklah didedahkan berkenaan urus niaga dengan pihak tersebut.

Skop

1. **Suatu entiti yang menyediakan dan membentangkan penyata kewangan mengikut asas perakaunan akrual hendaklah mengguna pakai Piawaian ini untuk mendedahkan maklumat tentang hubungan dengan pihak berkaitan dan urus niaga tertentu dengan pihak berkaitan.**
2. **Piawaian ini terpakai untuk semua entiti sektor awam selain Perusahaan Perniagaan Kerajaan (*Government Business Enterprises*, GBE).**
3. *Prakata Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia* yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara menjelaskan bahawa GBE menggunakan piawaian perakaunan diluluskan yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB). GBE ditakrifkan dalam MPSAS 1, *Pembentangan Penyata Kewangan*.

Takrif

4. **Istilah berikut digunakan dalam Piawaian ini dengan maksud yang dinyatakan:**

Ahli keluarga terdekat bagi individu ialah saudara-mara rapat individu tersebut atau ahli dalam keluarga terdekat individu yang dijangka akan mempengaruhi, atau dipengaruhi oleh, individu tersebut dalam urusan mereka dengan entiti.

Personel pengurusan utama ialah:

- (a) **Semua pengarah atau ahli badan pentadbiran entiti tersebut; dan**
- (b) **Orang lain yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah, dan mengawal aktiviti entiti pelaporan. Jika syarat ini dipatuhi, personel pengurusan utama termasuk:**
 - (i) **Apabila ahli tersebut merupakan ahli bagi badan pentadbiran dalam entiti kerajaan, yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah, dan mengawal aktiviti entiti pelaporan;**
 - (ii) **Mana-mana penasihat utama kepada ahli tersebut; dan**

- (iii) **Kumpulan pengurusan kanan entiti pelaporan**, termasuk ketua eksekutif atau ketua tetap bagi entiti pelaporan, melainkan jika sudah termasuk dalam (a).

Pengawasan bermaksud penyeliaan aktiviti entiti, dengan kuasa dan tanggungjawab untuk mengawal, atau melaksanakan pengaruh signifikan terhadap keputusan kewangan dan keputusan operasi entiti itu.

Pihak berkaitan bermaksud beberapa pihak yang dianggap berkaitan jika satu pihak mempunyai kemampuan untuk:

- (a) mengawal pihak yang lain; atau
- (b) melaksanakan pengaruh signifikan terhadap pihak yang lain dalam membuat keputusan berkenaan kewangan dan operasi, atau jika entiti pihak berkaitan dan entiti yang lain adalah tertakluk kepada kawalan yang sama.

Pihak berkaitan termasuk:

- (a) Entiti yang secara langsung, atau tidak langsung melalui satu atau lebih perantara, mengawal, atau dikawal oleh, entiti pelaporan tersebut;
- (b) Entiti Bersekutu (rujuk MPSAS 7, *Pelaburan dalam Entiti Bersekutu*);
- (c) Individu yang memiliki, secara langsung atau tidak langsung, kepentingan dalam entiti pelaporan yang memberikan mereka pengaruh signifikan terhadap entiti, dan ahli keluarga terdekat mana-mana individu berkenaan;
- (d) Personel pengurusan utama, dan ahli keluarga terdekat mereka; dan
- (e) Entiti yang sebahagian besar kepentingan pemilikannya dipegang secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana individu yang diterangkan dalam (c) atau (d), atau individu tersebut boleh melaksanakan pengaruh signifikan.

Urus niaga pihak berkaitan ialah pindahan sumber atau obligasi antara pihak berkaitan, sama ada harga dikenakan atau tidak. Urus niaga pihak berkaitan tidak termasuk urus niaga dengan mana-mana entiti lain yang merupakan pihak berkaitan semata-mata kerana kebergantungan mereka dari segi ekonomi kepada entiti pelaporan atau kepada kerajaan yang entiti tersebut menjadi sebahagian daripadanya.

Imbuhan untuk personel pengurusan utama ialah apa-apa ganjaran atau manfaat yang diperoleh secara langsung atau tidak langsung oleh personel pengurusan utama daripada entiti pelaporan untuk perkhidmatan yang diberikan dalam kapasiti mereka sebagai ahli badan pentadbiran, atau sebagai pekerja entiti pelaporan.

Pengaruh signifikan (bagi tujuan Piawaian ini) ialah kuasa untuk mengambil bahagian dalam keputusan berkenaan dasar kewangan dan operasi entiti, tetapi bukan untuk mengawal dasar tersebut. Pengaruh signifikan boleh dilaksanakan dalam beberapa cara, lazimnya melalui perwakilan dalam lembaga pengarah atau badan pentadbiran yang setara dengannya, malah juga melalui penyertaan dalam, sebagai contoh:

- (a) proses penggubalan dasar,
- (b) urus niaga yang material antara beberapa entiti dalam entiti ekonomi,
- (c) pertukaran personel pengurusan, atau
- (d) kebergantungan pada maklumat teknikal.

Pengaruh signifikan boleh diperoleh melalui kepentingan pemilikan, undang-undang, atau perjanjian. Berkenaan dengan kepentingan pemilikan, pengaruh signifikan diandaikan selaras dengan takrifan yang terkandung dalam MPSAS 7.

Istilah yang ditakrifkan dalam MPSAS lain digunakan dalam Piawaian ini dengan maksud yang sama seperti dalam Piawaian berkenaan, dan dihasilkan semula dalam Glosari Istilah yang diterbitkan secara berasingan.

Ahli Keluarga Terdekat bagi Individu

5. Pertimbangan akan diperlukan untuk menentukan sama ada seseorang individu patut dikenal pasti sebagai ahli keluarga terdekat bagi individu atau tidak, untuk tujuan penggunaan Piawaian ini. Jika tiada maklumat yang menunjukkan sebaliknya, sebagai contoh suami/isteri atau saudara yang lain telah berpisah daripada individu tersebut, maka ahli keluarga terdekat dan saudara rapat yang berikut dianggap mempunyai atau tertakluk pada pengaruh sedemikian, bagi memenuhi takrifan ahli keluarga terdekat bagi individu:
 - (a) Suami/isteri, pasangan domestik, anak di bawah tanggungan, atau saudara yang tinggal serumah;
 - (b) Datuk/nenek, ibu/bapa, anak yang bukan di bawah tanggungan, cucu, adik, abang atau kakak; dan
 - (c) Suami/isteri atau pasangan domestik kepada anak, ibu/bapa mentua, adik ipar, abang ipar, atau kakak ipar.

Personel Pengurusan Utama

6. Personel pengurusan utama termasuk semua pengarah atau ahli badan pentadbiran entiti pelaporan, jika badan pentadbiran tersebut mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah, dan mengawal aktiviti entiti. Di peringkat kerajaan, badan pentadbiran tersebut boleh terdiri daripada wakil yang dipilih atau dilantik (contohnya, presiden atau gabenor, menteri, ahli majlis perbandaran atau penama mereka).
7. Jika suatu entiti tertakluk di bawah pengawasan wakil yang dipilih atau dilantik bagi badan pentadbiran kerajaan yang memiliki entiti tersebut, maka individu tersebut termasuk dalam personel pengurusan utama, sekiranya fungsi pengawasan merangkumi kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah, dan mengawal aktiviti entiti tersebut. Dalam kebanyakan bidang kuasa, penasihat utama kepada individu tersebut mungkin tidak mempunyai kuasa yang mencukupi, sama ada yang sah di sisi undang-undang atau sebaliknya, untuk memenuhi takrifan personel pengurusan utama. Dalam bidang kuasa yang lain, penasihat utama kepada individu tersebut boleh dianggap sebagai personel pengurusan utama kerana mereka

mempunyai hubungan kerja khas dengan individu yang mempunyai kawalan ke atas entiti. Oleh itu, mereka mendapat akses kepada maklumat berkeistimewaan, dan boleh juga melaksanakan kawalan atau pengaruh yang signifikan ke atas entiti. Pertimbangan diperlukan untuk menilai sama ada seseorang individu tersebut merupakan penasihat utama atau tidak, dan sama ada penasihat tersebut memenuhi takrifan personel pengurusan utama, atau merupakan pihak berkaitan.

8. Badan pentadbiran, bersama ketua eksekutif dan kumpulan pengurusan kanan, mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang dan mengawal aktiviti entiti, mengurus sumber entiti tersebut dan bertanggungjawab terhadap pencapaian keseluruhan objektif entiti. Oleh itu, personel pengurusan utama akan terdiri daripada ketua eksekutif dan kumpulan pengurusan kanan entiti pelaporan. Dalam sesetengah bidang kuasa, penjawat awam tidak akan mempunyai kuasa yang mencukupi dan tanggungjawab untuk memenuhi takrifan sebagai personel pengurusan utama (seperti yang ditakrifkan oleh Piawaian ini) dalam entiti pelaporan kerajaan. Dalam kes ini, personel pengurusan utama terdiri hanya ahli yang dipilih daripada badan pentadbiran yang mempunyai tanggungjawab tertinggi kepada kerajaan; lazimnya, mereka dirujuk sebagai Menteri Kabinet.
9. Kumpulan pengurusan kanan suatu entiti ekonomi boleh terdiri daripada individu daripada entiti yang mengawal dan entiti lain yang secara kolektifnya membentuk entiti ekonomi.

Pihak Berkaitan

10. Dalam mempertimbangkan setiap kemungkinan hubungan pihak berkaitan, perhatian perlu ditumpukan kepada inti pati hubungan tersebut dan bukan semata-mata pada bentuknya yang sah di sisi undang-undang.
11. Sekiranya dua entiti mempunyai ahli personel pengurusan utama yang sama, maka perlu untuk mempertimbangkan kemungkinan dan menilai kebolehdadian, bahawa individu ini akan dapat mempengaruhi dasar kedua-dua entiti dalam urusan bersama mereka. Walau bagaimanapun, kenyataan bahawa adanya ahli personel pengurusan utama yang sama tidak semestinya mewujudkan hubungan pihak berkaitan.
12. Dalam konteks Piawaian ini, perkara berikut tidak dianggap sebagai pihak berkaitan:
 - (a) (i) Penyedia pembiayaan dalam operasi perniagaan mereka; dan
 - (ii) Kesatuan sekerja;

dalam keadaan urusan mereka yang biasa dengan suatu entiti dan hanya berdasarkan urusan tersebut (walaupun mereka boleh mengehadkan kebebasan bertindak suatu entiti atau boleh mengambil bahagian dalam proses pembuatan keputusan entiti tersebut); dan
 - (b) Suatu entiti yang mempunyai hubungan hanya sebagai sebuah agensi.
13. Hubungan pihak berkaitan boleh wujud apabila seorang individu menjadi sama ada ahli badan pentadbiran atau terlibat dalam keputusan kewangan dan operasi entiti pelaporan tersebut. Hubungan pihak berkaitan boleh juga wujud melalui hubungan operasi luaran antara entiti

pelaporan dengan pihak berkaitan. Hubungan sedemikian selalunya akan melibatkan suatu tahap kebergantungan ekonomi.

14. Kebergantungan ekonomi ialah keadaan apabila satu entiti bergantung pada entiti yang lain, iaitu ia berharap pada entiti lain untuk suatu jumlah yang signifikan dalam pembiayaannya atau penjualan barangan dan perkhidmatannya. Keadaan ini tidak mungkin menghasilkan kawalan atau pengaruh signifikan dan tidak mungkin mewujudkan hubungan pihak berkaitan. Oleh itu, seorang pelanggan, pembekal, pemberi francais, pengedar, atau ejen am yang berurusan dengan entiti sektor awam untuk jumlah perniagaan yang signifikan tidak akan menjadi pihak berkaitan disebabkan semata-mata oleh kewujudan kebergantungan ekonomi ini. Walau bagaimanapun, kebergantungan ekonomi bersama faktor lain, boleh menghasilkan pengaruh signifikan, dan oleh itu, mewujudkan hubungan pihak berkaitan. Pertimbangan diperlukan bagi menilai kesan kebergantungan ekonomi terhadap suatu hubungan. Jika entiti pelaporan bergantung secara ekonomi pada suatu entiti yang lain, maka entiti pelaporan tersebut digalakkan untuk mendedahkan kewujudan kebergantungan tersebut.
15. Takrif pihak berkaitan termasuk entiti yang dimiliki oleh personel pengurusan utama, ahli keluarga terdekat individu tersebut atau pemegang saham utama (atau setara jika entiti tidak mempunyai struktur ekuiti yang formal) entiti pelaporan tersebut. Takrif pihak berkaitan juga termasuk keadaan apabila satu pihak mempunyai kemampuan untuk melaksanakan pengaruh signifikan ke atas pihak yang lain. Dalam sektor awam, individu atau entiti mungkin diberikan tanggungjawab pengawasan untuk entiti pelaporan, yang memberikan mereka pengaruh signifikan, tetapi bukan kawalan, terhadap keputusan kewangan dan operasi entiti pelaporan tersebut. Bagi tujuan Piawaian ini, pengaruh signifikan adalah merangkumi entiti yang tertakluk kepada kawalan bersama.

Imbuan untuk Personel Pengurusan Utama

16. Imbuan untuk personel pengurusan utama termasuk imbuan yang diperoleh oleh individu daripada entiti pelaporan untuk perkhidmatan yang diberikan kepada entiti pelaporan tersebut dalam kapasiti mereka sebagai ahli badan pentadbiran atau pekerja. Manfaat yang diperoleh secara langsung atau tidak langsung daripada entiti untuk perkhidmatan dalam apa-apa kapasiti, selain sebagai pekerja atau ahli badan pentadbiran, tidak memenuhi takrifan imbuan untuk personel pengurusan utama dalam Piawaian ini. Namun begitu, perenggan 34 menghendaki pendedahan dibuat berkenaan dengan sesetengah manfaat lain ini. Imbuan untuk personel pengurusan utama tidak termasuk apa-apa ganjaran yang diberikan hanya sebagai pembayaran balik untuk perbelanjaan yang ditanggung oleh individu tersebut bagi kepentingan entiti pelaporan, seperti pembayaran balik kos penginapan bagi perjalanan berkaitan kerja.

Kuasa Mengundi

17. Takrifan pihak berkaitan akan termasuk mana-mana individu yang memiliki, secara langsung atau tidak langsung, suatu kepentingan dalam kuasa mengundi entiti pelaporan yang memberikan mereka pengaruh signifikan terhadap entiti tersebut. Pemegangan kepentingan dalam kuasa mengundi sesuatu entiti boleh terhasil apabila entiti sektor awam mempunyai struktur korporat, dan menteri atau agensi kerajaan memiliki saham dalam entiti tersebut.

Isu Pihak Berkaitan

18. Hubungan pihak berkaitan wujud di seluruh sektor awam, kerana:
- (a) Unit pentadbiran tertakluk kepada hala tuju keseluruhan kerajaan eksekutif dan, akhirnya, Parlimen atau badan serupa yang dianggotai oleh pegawai yang dipilih atau dilantik, dan beroperasi bersama-sama untuk mencapai dasar kerajaan;
 - (b) Jabatan dan agensi kerajaan sering menjalankan aktiviti yang diperlukan untuk pencapaian tanggungjawab dan objektif yang berbeza komponen melalui entiti dikawal yang berasingan, dan melalui entiti yang terhadapnya mereka mempunyai pengaruh signifikan; dan
 - (c) Menteri atau ahli lain dalam kerajaan yang dipilih atau dilantik serta kumpulan pengurusan kanan boleh menggunakan pengaruh signifikan mereka ke atas operasi sesuatu jabatan atau agensi.
19. Pendedahan berkenaan dengan hubungan tertentu dengan pihak berkaitan dan urus niaga tertentu dengan pihak berkaitan serta hubungan yang mendasari urus niaga tersebut adalah perlu bagi menentukan kebertanggungjawaban, dan membolehkan pengguna memahami penyata kewangan entiti pelaporan dengan lebih baik kerana:
- (a) Hubungan pihak berkaitan boleh mempengaruhi cara suatu entiti beroperasi dengan entiti lain untuk mencapai objektif masing-masing, dan cara entiti bekerjasama dengan entiti lain untuk mencapai objektif yang sama atau objektif bersama;
 - (b) Hubungan pihak berkaitan mungkin mendedahkan entiti kepada risiko, atau menyediakan peluang yang tidak mungkin wujud tanpa hubungan tersebut; dan
 - (c) Pihak berkaitan mungkin menjalankan urus niaga yang tidak akan dilaksanakan oleh pihak yang tidak berkaitan, atau mungkin bersetuju dengan urus niaga pada terma dan syarat yang berbeza daripada yang lazimnya tersedia kepada pihak yang tidak berkaitan. Keadaan ini sering berlaku dalam jabatan dan agensi kerajaan, apabila barangan dan perkhidmatan dipindahkan antara jabatan pada kos yang kurang daripada kos sepenuhnya sebagai sebahagian daripada prosedur operasi biasa yang sejajar dengan pencapaian objektif entiti pelaporan dan kerajaan. Kerajaan dan entiti sektor awam diharap dapat menggunakan sumber dengan cekap, berkesan, dan dengan cara yang sewajarnya, dan menguruskan wang rakyat dengan tahap integriti tertinggi. Kewujudan hubungan pihak berkaitan bermaksud satu pihak boleh mengawal atau mempunyai pengaruh signifikan ke atas aktiviti pihak yang satu lagi. Hal ini memberikan peluang untuk urus niaga berlaku pada dasar yang boleh memanfaatkan satu pihak secara tidak wajar dan menjejaskan pihak yang lain.
20. Pendedahan berkenaan dengan jenis urus niaga tertentu dengan pihak berkaitan yang berlaku, terma dan syarat urus niaga tersebut dijalankan, membolehkan pengguna menilai kesan urus niaga tersebut terhadap kedudukan kewangan dan prestasi suatu entiti, dan kemampuannya untuk menyampaikan perkhidmatan yang dipersetujui. Pendedahan ini juga memastikan entiti tersebut bersikap telus berkenaan dengan urusannya dengan pihak berkaitan.

Imbuan untuk Personel Pengurusan Utama

21. Personel pengurusan utama memegang jawatan yang mempunyai tanggungjawab dalam suatu entiti. Mereka bertanggungjawab terhadap hala tuju strategik dan pengurusan operasi suatu entiti, dan diamanahkan dengan kuasa yang signifikan. Gaji mereka lazimnya ditentukan oleh statut, atau tribunal bebas atau badan lain yang tidak bergantung kepada entiti pelaporan. Walau bagaimanapun, tanggungjawab mereka mungkin membolehkan mereka mempengaruhi manfaat perjawatan yang diberikan kepada mereka atau kepada pihak yang berkaitan dengan mereka. Piawaian ini memerlukan pendedahan tertentu dibuat tentang:
- (a) imbuan personel pengurusan utama dan ahli keluarga terdekat mereka semasa tempoh pelaporan;
 - (b) pinjaman yang diberikan kepada mereka; dan
 - (c) imbuan yang disediakan untuk mereka bagi perkhidmatan yang diberikan kepada entiti selain sebagai ahli badan pentadbiran atau pekerja.

Pendedahan yang dikehendaki oleh Piawaian ini akan memastikan bahawa tahap minimum ketelusan yang sewajarnya digunakan bagi imbuan untuk personel pengurusan utama dan ahli keluarga terdekat mereka.

Kematanan

22. MPSAS 1 menghendaki pendedahan berasingan untuk item material. Kematanan sesuatu item ditentukan berdasarkan sifat atau saiz item tersebut. Apabila menilai kematanan urus niaga pihak berkaitan, sifat hubungan antara entiti pelaporan dengan pihak berkaitan, dan sifat urus niaga, mungkin bermaksud bahawa urus niaga tersebut adalah material tanpa mengira saiznya.

Pendedahan

23. Di kebanyakan negara, undang-undang dan peraturan pelaporan kewangan pihak berkuasa yang lain menghendaki penyata kewangan entiti sektor swasta dan perusahaan perniagaan kerajaan mendedahkan maklumat berkenaan dengan kategori tertentu pihak berkaitan dan urus niaga pihak berkaitan. Perhatian khusus ditumpukan kepada urus niaga entiti dengan pengarahnya atau ahli badan pentadbirannya dan dengan kumpulan pengurusan kanannya, terutama imbuan dan pinjaman mereka. Hal ini adalah kerana:
- (a) tanggungjawab fidusiari pengarah, ahli badan pentadbiran, dan kumpulan pengurusan kanan; dan
 - (b) mereka memiliki kuasa yang meluas ke atas penggunaan sumber entiti. Dalam sesetengah bidang kuasa, keperluan yang sama dimasukkan dalam statut dan peraturan yang terpakai untuk entiti sektor awam.
24. Sesetengah MPSAS juga menghendaki pendedahan tentang urus niaga dengan pihak berkaitan. Contohnya, MPSAS 1 menghendaki pendedahan berkenaan dengan amaun belum bayar kepada dan amaun belum terima daripada entiti yang mengawal, rakan entiti yang dikawal, entiti bersekutu, dan pihak berkaitan yang lain. MPSAS 6, *Penyata Kewangan Disatukan dan*

Berasingan, dan MPSAS 7 menghendaki pendedahan berkenaan dengan senarai entiti yang dikawal dan entiti bersekutu yang signifikan.

Pendedahan Kawalan

25. **Hubungan pihak berkaitan jika wujudnya kawalan hendaklah didedahkan, tanpa mengira sama ada wujud atau tidak urus niaga antara pihak berkaitan.**
26. Bagi membolehkan pengguna penyata kewangan memberikan pandangan tentang kesan hubungan pihak berkaitan terhadap entiti pelaporan, maka adalah wajar untuk mendedahkan hubungan pihak berkaitan jika kawalan wujud, tanpa mengira sama ada wujud atau tidak urus niaga antara pihak berkaitan. Hal ini melibatkan pendedahan nama mana-mana entiti yang dikawal, nama entiti yang mengawal terdekat, dan nama entiti yang mengawal utama, jika ada.

Pendedahan Urus Niaga Pihak Berkaitan

27. **Dalam hal urus niaga antara pihak berkaitan, selain urus niaga yang berlaku dalam hubungan biasa antara pembekal atau pelanggan/penerima mengikut terma dan syarat yang boleh dikatakan tidak lebih atau kurang memberi kelebihan berbanding terma dan syarat yang dianggap munasabah untuk diterima pakai oleh entiti jika berurusan dengan individu atau entiti secara tulus dalam keadaan yang sama, entiti pelaporan hendaklah mendedahkan:**
 - (a) **Sifat hubungan pihak berkaitan;**
 - (b) **Jenis urus niaga yang telah berlaku; dan**
 - (c) **Elemen urus niaga yang perlu bagi menjelaskan kepentingan urus niaga sedemikian kepada operasinya dan mencukupi untuk membolehkan penyata kewangan menyediakan maklumat yang relevan dan dipercayai bagi tujuan pembuatan keputusan dan keberterangjawaban.**
28. Berikut adalah contoh situasi urus niaga pihak berkaitan yang boleh menyebabkan pendedahan dibuat oleh entiti pelaporan:
 - (a) Pemberian atau penerimaan perkhidmatan;
 - (b) Pembelian atau pindahan/jualan barangan (siap atau belum siap);
 - (c) Pembelian atau pindahan/jualan hartanah dan aset lain;
 - (d) Aturan agensi;
 - (e) Aturan pemajakan;
 - (f) Pindahan penyelidikan dan pembangunan;
 - (g) Perjanjian lesen;
 - (h) Pembiayaan (termasuk pinjaman, sumbangan modal, geran sama ada dalam bentuk tunai

atau barangan, dan sokongan kewangan yang lain, termasuk aturan perkongsian kos); dan

(i) Jaminan dan cagaran.

29. Entiti sektor awam berurus niaga secara ekstensif sesama sendiri setiap hari. Urus niaga sebegini boleh dijalankan pada kos, di bawah kos atau secara percuma. Contohnya, jabatan kerajaan bagi khidmat pentadbiran boleh menyediakan ruang pejabat secara percuma kepada jabatan lain, atau entiti sektor awam boleh bertindak sebagai ejen pembelian untuk entiti sektor awam yang lain. Dalam sesetengah model kerajaan, mungkin terdapat keupayaan untuk memulihkan lebih daripada kos penuh penyampaian perkhidmatan. Jabatan adalah pihak berkaitan kerana mereka tertakluk kepada kawalan yang sama, dan urus niaga sebegini memenuhi takrifan urus niaga pihak berkaitan. Walau bagaimanapun, pendedahan maklumat berkenaan dengan urus niaga antara entiti ini tidak dikehendaki jika urus niaga tersebut:

(a) konsisten dengan hubungan operasi biasa antara entiti; dan

(b) dijalankan mengikut terma dan syarat yang biasa bagi urus niaga tersebut dalam keadaan seperti ini.

Pengecualian urus niaga pihak berkaitan ini daripada keperluan pendedahan dalam perenggan 27 menunjukkan bahawa entiti sektor awam beroperasi bersama bagi mencapai objektif yang sama, dan menerima bahawa mekanisme yang berbeza mungkin diterima pakai oleh entiti sektor awam dalam bidang kuasa yang berbeza untuk menyampaikan perkhidmatan. Piawaian ini menghendaki pendedahan berkenaan dengan urus niaga pihak berkaitan dibuat hanya apabila urus niaga tersebut dijalankan tidak mengikut had beroperasi yang ditetapkan dalam bidang kuasa tersebut.

30. Maklumat tentang urus niaga pihak berkaitan yang perlu didedahkan bagi memenuhi objektif pelaporan kewangan tujuan umum pada kebiasaannya mengandungi:

(a) Penerangan tentang sifat hubungan dengan pihak berkaitan yang terlibat dalam urus niaga ini, contohnya, sama ada hubungan tersebut ialah sebagai entiti yang mengawal, entiti yang dikawal, entiti di bawah kawalan yang sama, atau personel pengurusan utama;

(b) Penerangan tentang urus niaga pihak berkaitan dalam setiap kelas umum urus niaga dan pernyataan berkenaan dengan jumlah kelas tersebut, sama ada dalam bentuk amaun monetari khusus atau dalam bentuk perkadaran kelas urus niaga dan/atau baki tersebut;

(c) Ringkasan terma dan syarat umum urus niaga dengan pihak berkaitan, termasuk pendedahan tentang bagaimana terma dan syarat ini berbeza daripada terma dan syarat yang biasanya dikaitkan dengan urus niaga yang sama dengan pihak bukan berkaitan; dan

(d) Amaun atau perkadaran sewajarnya bagi item yang belum dijelaskan.

31. Perenggan 34 Piawaian ini menghendaki pendedahan tambahan dibuat tentang urus niaga tertentu antara entiti dengan personel pengurusan utama dan/atau dengan ahli keluarga terdekat personel pengurusan utama.

32. **Sifat item yang serupa boleh didedahkan secara agregat, melainkan jika pendedahan**

berasingan diperlukan bagi menyediakan maklumat yang relevan dan boleh pasti untuk tujuan pembuatan keputusan dan kebertanggungjawaban.

33. Pendedahan tentang urus niaga pihak berkaitan antara ahli entiti ekonomi tidak diperlukan dalam penyata kewangan disatukan, kerana penyata kewangan disatukan membentangkan maklumat tentang entiti yang mengawal dan entiti yang dikawal sebagai satu entiti pelaporan. Urus niaga pihak berkaitan yang dijalankan antara entiti dalam suatu entiti ekonomi disingkirkan semasa penyatuan menurut MPSAS 6. Urus niaga dengan entiti bersekutu yang diakaunkan menggunakan kaedah ekuiti tidak disingkirkan, dan oleh itu memerlukan pendedahan berasingan sebagai urus niaga pihak berkaitan.

Pendedahan – Personel Pengurusan Utama

34. **Entiti hendaklah mendedahkan:**

- (a) **Imbuan agregat bagi personel pengurusan utama dan bilangan individu berkenaan, yang ditentukan pada asas kesetaraan sepenuh masa, yang menerima imbuan dalam kategori ini, dengan menunjukkan secara berasingan kelas utama personel pengurusan utama dan termasuk penerangan bagi setiap kelas;**
- (b) **Jumlah amaun bagi semua imbuan dan pampasan lain yang diberikan oleh entiti pelaporan kepada personel pengurusan utama, dan ahli keluarga terdekat personel pengurusan utama, sepanjang tempoh pelaporan, yang menunjukkan secara berasingan amaun agregat yang diberikan kepada:**
 - (i) **Personel pengurusan utama; dan**
 - (ii) **Ahli keluarga terdekat personel pengurusan utama; dan**
- (c) **Berhubung dengan pinjaman yang tidak tersedia secara meluas kepada orang yang bukan personel pengurusan utama dan pinjaman yang ketersediaannya tidak diketahui secara meluas oleh orang awam, bagi setiap ahli perseorangan personel pengurusan utama dan setiap ahli keluarga terdekat personel pengurusan utama:**
 - (i) **Amaun pinjaman yang diberikan sepanjang tempoh tersebut serta terma dan syaratnya;**
 - (ii) **Amaun pinjaman yang dibayar balik sepanjang tempoh tersebut;**
 - (iii) **Amaun baki akhir semua pinjaman dan belum terima; dan**
 - (iv) **Jika individu tersebut bukan seorang pengarah atau ahli badan pentadbiran atau kumpulan pengurusan kanan entiti tersebut, hubungan individu dengan badan atau kumpulan tersebut.**

35. Perenggan 27 Piawaian ini menghendaki pendedahan tentang urus niaga pihak berkaitan yang telah berlaku selain daripada urus niaga secara tulus konsisten dengan keadaan operasi yang diwujudkan untuk entiti tersebut. Piawaian ini juga menghendaki pendedahan maklumat tentang urus niaga tertentu dengan personel pengurusan utama yang dikenal pasti dalam perenggan 34, sama ada atau tidak ia dijalankan secara tulus konsisten dengan keadaan operasi yang terpakai

untuk entiti tersebut.

36. Personel pengurusan utama boleh diambil bekerja secara sepenuh masa atau secara sambilan. Bilangan individu yang didedahkan sebagai penerima imbuhan selaras dengan perenggan 34(a) hendaklah dianggarkan secara kesetaraan sepenuh masa. Entiti akan membuat pendedahan berasingan berkenaan dengan kelas utama personel pengurusan utama yang bekerja dengannya. Contohnya, jika entiti mempunyai badan pentadbiran yang berasingan daripada kumpulan pengurusan kanannya, pendedahan berkenaan dengan imbuhan kedua-dua kumpulan tersebut hendaklah dibuat secara berasingan. Jika seorang individu merupakan ahli badan pentadbiran dan juga kumpulan pengurusan kanan, individu tersebut akan dimasukkan dalam hanya satu daripada kumpulan tersebut bagi tujuan Piawaian ini. Kategori personel pengurusan utama yang dikenal pasti dalam takrifan personel pengurusan utama menyediakan suatu panduan bagi mengenal pasti kelas personel pengurusan utama.
37. Imbuhan personel pengurusan utama boleh termasuk pelbagai manfaat langsung dan tidak langsung. Jika kos manfaat tersebut boleh ditentukan, kos tersebut akan dimasukkan dalam imbuhan agregat yang didedahkan. Jika kos manfaat tersebut tidak dapat ditentukan, anggaran terbaik kos tersebut kepada entiti pelaporan atau entiti akan dibuat dan dimasukkan dalam imbuhan agregat yang didedahkan.
38. Keperluan berkenaan dengan pengukuran manfaat pekerja boleh didapati dalam MPSAS 25, *Manfaat Pekerja*. Jika imbuhan bukan monetari yang boleh diukur dengan pasti telah dimasukkan dalam amaun imbuhan agregat untuk personel pengurusan utama yang didedahkan bagi tempoh tersebut, pendedahan juga hendaklah dibuat dalam nota kepada penyata kewangan berkenaan dengan asas pengukuran imbuhan bukan monetari .
39. Piawaian ini menghendaki pendedahan maklumat tertentu berkenaan dengan terma dan syarat pinjaman yang diberikan kepada personel pengurusan utama dan kepada ahli keluarga terdekat personel pengurusan utama, jika pinjaman tersebut:
 - (a) Tidak tersedia secara meluas kepada orang yang di luar kumpulan pengurusan utama; dan
 - (b) Mungkin tersedia secara meluas di luar kumpulan pengurusan utama, tetapi ketersediaannya tidak diketahui secara meluas oleh orang awam.

Pendedahan maklumat ini diperlukan bagi tujuan kebertanggungjawaban. Pertimbangan mungkin perlu dilaksanakan untuk menentukan pinjaman yang hendak didedahkan bagi memenuhi keperluan Piawaian ini. Pertimbangan ini hendaklah dibuat setelah mengambil kira fakta yang relevan, dan dengan cara yang konsisten dengan pencapaian objektif pelaporan kewangan.

40. Perenggan 34(a) Piawaian ini menghendaki pendedahan berkenaan dengan imbuhan agregat personel pengurusan utama. Personel pengurusan utama termasuk pengarah atau ahli badan pentadbiran dan ahli kumpulan pengurusan kanan entiti tersebut. Pengarah atau ahli badan pentadbiran entiti tersebut boleh juga menerima imbuhan atau pampasan daripada entiti tersebut bagi perkhidmatan yang diberikan dalam kapasiti selain sebagai pengarah atau ahli badan pentadbiran entiti, atau (b) sebagai seorang pekerja entiti. Perenggan 34(b)(i) Piawaian ini menghendaki pendedahan tentang jumlah amaun imbuhan atau pampasan yang lain.

41. Ahli keluarga terdekat personel pengurusan utama boleh mempengaruhi, atau dipengaruhi oleh, personel pengurusan utama dalam urusan niaga mereka dengan entiti pelaporan. Perenggan 34(b)(ii) Piawaian ini menghendaki pendedahan berkenaan dengan jumlah imbuhan dan pampasan yang disediakan sepanjang tempoh pelaporan kepada ahli keluarga terdekat personel pengurusan utama.

Tarikh Kuat Kuasa

42. **Entiti hendaklah mengguna pakai Piawaian ini untuk penyata kewangan tahunan yang meliputi tempoh bermula pada atau selepas 1 Januari, 2017. Penggunaan lebih awal adalah digalakkan. Jika entiti mengguna pakai Piawaian ini untuk tempoh bermula sebelum 1 Januari, 2017, entiti hendaklah mendedahkan fakta tersebut.**
43. Apabila entiti menerima pakai perakaunan asas akrual seperti yang ditakrifkan oleh MPSAS bagi tujuan pelaporan kewangan selepas tarikh kuat kuasa ini, maka Piawaian ini terpakai untuk penyata kewangan tahunan entiti yang meliputi tempoh bermula pada atau selepas tarikh diterima pakai.

Panduan Pelaksanaan

Panduan ini hanyalah sebagai lampiran dan bukan sebahagian daripada MPSAS 20.

Pendedahan – Kerajaan X

Pendedahan berikut dibuat dalam penyata kewangan Kerajaan X.

Entiti Yang Dikawal (Perenggan 25)

Kerajaan mengawal entiti pelaporan yang berikut:

Jabatan dan Agensi Kerajaan: Pendidikan, Kebajikan, Polis, Pos, Kerja Raya dan Perkhidmatan, Pertahanan, Kehakiman, Perbendaharaan/Kewangan, Jabatan X, Agensi XYZ (semua jabatan dan agensi hendaklah dikenal pasti).

Perusahaan Perniagaan Kerajaan (GBE): Syarikat Elektrik Kerajaan, Agensi Telekomunikasi Kerajaan (semua GBE hendaklah dikenal pasti).

(Nota: MPSAS 6, *Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan*, menghendaki pendedahan tertentu dibuat berkenaan dengan entiti yang dikawal yang signifikan.)

Urus Niaga Pihak Berkaitan (Perenggan 27)

Ahli Kabinet diberikan sebuah rumah, di Ibu Negara tanpa perlu membayar sewa. Kadar sewa untuk rumah yang serupa dengan yang disediakan kepada Menteri tersebut adalah kira-kira Z unit mata wang setahun. Peruntukan untuk rumah bukan sebahagian daripada pakej imbuhan Menteri tersebut, dan Kerajaan lazimnya tidak menyediakan rumah secara percuma kepada Menteri. Walau bagaimanapun, dalam kes ini penyediaan sebuah rumah untuk Menteri tersebut di Ibu Negara adalah perlu.

Pasangan kepada seorang lagi ahli Kabinet telah disediakan dengan kenderaan bermotor, tanpa perlu membayar sewa. Kadar sewa untuk kereta yang setara dengan yang disediakan tersebut biasanya adalah sebanyak K unit mata wang setahun. Kerajaan lazimnya tidak menyediakan kenderaan bermotor, tanpa perlu membayar sewa kepada pasangan Menteri.

Personel Pengurusan Utama (Perenggan 34)

Imbuhan (Perenggan 34(a))

Personel pengurusan utama (seperti yang ditakrifkan oleh MPSAS 20, *Pendedahan Pihak Berkaitan*) ialah ahli Kabinet, yang bersama-sama membentuk badan pentadbiran Kerajaan X. Imbuhan agregat ahli Kabinet dan bilangan individu yang ditentukan secara kesetaraan sepenuh masa yang menerima imbuhan daripada Kerajaan X adalah:

Imbuhan agregat X juta.

Bilangan orang Y orang.

Pinjaman yang Tidak Tersedia Secara Meluas kepada (dan/atau Tidak Diketahui Secara Meluas oleh) Orang di Luar Kumpulan Pengurusan Utama (perenggan 34(c))

Amaun bagi pinjaman yang didahulukan dan dibayar balik sepanjang tempoh, dan baki belum bayar pada akhir tempoh tersebut, dinyatakan di bawah:

<u>Individu</u>	<u>Didahulukan</u>	<u>Dibayar Balik</u>	<u>Baki</u>
Yang Berhormat ABC	J	K	L
Puan VSL	M	N	P
Yang Berhormat D	Q	R	Z
Yang Berhormat E	S	T	U

Terma dan Syarat

Yang Berhormat ABC, Menteri Pengangkutan, menerima pinjaman pada kadar X% setahun, iaitu sebanyak Y% lebih rendah daripada kadar pasaran. Tempoh pinjaman adalah selama Z tahun.

Puan VSL, pasangan kepada Menteri Kesihatan, menerima pinjaman kerajaan. Pinjaman tersebut adalah untuk N tahun pada kadar X% setahun, iaitu kadar semasa pinjaman kerajaan.

Pakej gaji bagi Menteri Kabinet Yang Berhormat D dan E membolehkan mereka mengambil pinjaman kerajaan bagi tempoh sehingga A tahun pada kadar Y% setahun untuk membeli kereta.

Imbuhan dan pampasan lain yang disediakan untuk Personel Pengurusan Utama dan Ahli Keluarga Terdekat mereka (perenggan 34(b))

Sepanjang tempoh pelaporan, jumlah pampasan sebanyak amaun X (unit mata wang) telah disediakan untuk ahli Kabinet bagi perkhidmatan perundingan yang diberikan kepada agensi kerajaan tertentu.

Sepanjang tempoh pelaporan, kerajaan telah menyediakan jumlah imbuhan dan pampasan sebanyak amaun Y (unit mata wang) kepada ahli keluarga terdekat personel pengurusan utama. Amaun ini terdiri daripada gaji pekerja kerajaan yang merupakan ahli keluarga terdekat ahli Kabinet.

Pendedahan – Agensi Kerajaan XYZ

Pendedahan ini ditunjukkan dalam penyata kewangan Agensi Kerajaan XYZ, yang merupakan entiti pelaporan berasingan.

Entiti Yang Dikawal (Perenggan 25)

Agensi berada di bawah kawalan Jabatan X. Jabatan X pula berada di bawah kawalan Kerajaan X.

Agensi mengawal Unit Perkhidmatan Pentadbiran, iaitu sebuah perusahaan perniagaan kerajaan (GBE).

(Nota: MPSAS 6, *Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan*, menghendaki pendedahan tertentu dibuat berkenaan dengan entiti yang dikawal yang signifikan.)

Urus Niaga Pihak Berkaitan (Perenggan 27)

Agensi menyediakan sebuah rumah, tanpa perlu membayar sewa, kepada seorang Menteri. Kadar sewa untuk rumah yang serupa dengan yang disediakan untuk Menteri tersebut adalah kira-kira Z unit mata wang setahun. Rumah tersebut bukan sebahagian daripada pakej imbuhan Menteri dan, mengikut prosedur operasi, agensi kerajaan tidak menyediakan kemudahan rumah kediaman kepada menteri. Walau bagaimanapun, Kerajaan X telah memaklumkan supaya rumah kediaman tersebut disediakan untuk situasi ini.

Personel Pengurusan Utama (Perenggan 34)

Imbuhan (Perenggan 34(a))

Personel pengurusan utama (seperti yang ditakrifkan oleh MPSAS 20) Agensi XYZ terdiri daripada Menteri, ahli badan pentadbiran, dan ahli kumpulan pengurusan kanan. Badan pentadbiran terdiri daripada ahli yang dilantik oleh Kerajaan X; ketua pegawai eksekutif dan ketua pegawai kewangan menghadiri mesyuarat badan pentadbiran tetapi mereka bukannya ahli badan pentadbiran tersebut. Menteri tidak diberi imbuhan oleh Agensi XYZ. Imbuhan agregat ahli badan pentadbiran dan bilangan ahli yang ditentukan secara kesetaraan sepenuh masa yang menerima imbuhan dalam kategori ini, adalah:

Imbuhan agregat AX juta.

Bilangan orang AY orang.

Kumpulan pengurusan kanan terdiri daripada ketua pegawai eksekutif Agensi, ketua pegawai kewangan Agensi, dan AZ orang ketua bahagian. Imbuhan agregat ahli kumpulan pengurusan kanan dan bilangan pengurus yang ditentukan secara kesetaraan sepenuh masa yang menerima imbuhan dalam kategori ini adalah:

Imbuhan agregat AP juta.

Bilangan orang AQ orang.

Dua orang ketua bahagian telah dipinjamkan daripada Jabatan X, dan diberikan imbuhan oleh Jabatan X.

Pinjaman yang Tidak Tersedia Secara Meluas kepada (dan/atau Tidak Diketahui Secara Meluas oleh) Orang di Luar Kumpulan Pengurusan Utama (perenggan 34(c))

Amaun yang didahulukan dan dibayar balik sepanjang tempoh dan baki belum bayar pada akhir tempoh tersebut:

<u>Individu</u>	<u>Didahulukan</u>	<u>Dibayar Balik</u>	<u>Baki</u>
Menteri	J	K	L
Encik G	M	N	P
Puan H	Q	R	Z

Terma dan Syarat

Menteri menerima pinjaman sebanyak J unit mata wang, pada kadar X% setahun, iaitu sebanyak Y% lebih rendah daripada kadar pasaran. Tempoh pinjaman adalah selama Z tahun.

Pakej gaji ahli staf kanan, Encik G dan Puan H, membolehkan mereka mengambil pinjaman kerajaan bagi tempoh sehingga N tahun pada kadar Y% setahun untuk membeli kereta.

**Imbuan dan pampasan yang Disediakan untuk Ahli Keluarga Terdekat Personel
Pengurusan Utama (perenggan 34(b))**

Sepanjang tempoh pelaporan, jumlah imbuan dan pampasan sebanyak amaun F (unit mata wang) telah disediakan oleh Agensi kepada pekerja yang merupakan ahli keluarga terdekat personel pengurusan utama.

Perbandingan dengan IPSAS 20

MPSAS 20 *Pendedahan Pihak Berkaitan* digubal berasaskan IPSAS 20. Perbezaan utama antara MPSAS 20 dengan IPSAS 20 adalah seperti yang berikut:

- Pada perenggan 3, MPSAS 20 menjelaskan bahawa GBE menggunakan piawaian perakaunan diluluskan yang dikeluarkan oleh MASB, manakala IPSAS 20 menjelaskan bahawa GBE menggunakan IFRS yang dikeluarkan oleh IASB.